

Idris diiktiraf Teknologis Profesional

Oleh AFLIEZA ARSHAD

AYER KEROH 20 Feb. - Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron menerima pengiktirafan Teknologis Profesional membawa gelaran Ts, yang layak digunakan di pangkal nama beliau.

Majlis anjuran Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT) sebagai sebuah badan profesional untuk mendaftar dan mengiktiraf Teknologis Profesional, memilih Idris menerima gelaran iktisad itu berdasarkan kejayaan beliau membangunkan Negeri Melaka mengalami pelbagai teknologi TVEIT.

Inisiatif diperkenalkan Kerajaan Negeri Melaka menurus kaedah 'green cities' dan teknologi jahur lebar, turut diambil kira MBOT meneliti kriteria bagi memberi pengiktirafan bertaraf global ini, sekali gus menjadikan beliau sebagai Ketua Menteri pertama menerima status tersebut.

Berdasarkan prosedur pengiktirafan, juruteknologi dan juruteknik ini merupakan sebahagian dari kumpulan profesional menerusi Akta Teknologi dan Juruteknik yang dit-

luskan Parlimen pada 2014.

Menerusi pengiktirafan itu, Idris terlebih dahulu melepasi satu saringan dan proses ditetapkan dalam kalangan 8,000 permodalan sebelum dibertauliah profesional dalam jurusan tersebut yang kini dikenali sebagai Datuk Seri Utama Ir. Ts. Idris Haron.

Idris berkata, menerusi anugerah tersebut ia secara tidak langsung membuktikan bahawa negara mengiktiraf kejayaan beliau dalam menyumbang kepada pembangunan negara, sekali gus menaikkan kejaya ini di peringkat antarabangsa.

"Anugerah ini amat besar maknanya dan sung-

guh bererti kepada pencapaian kerjaya saya sebagai jurutera dan teknologis profesional.

"Pengiktirafan ini bukan milik saya sepenuhnya, tapi milik isteri, anak-anak, keluarga dan semua yang sentiasa bersama susah senang sepanjang melayari bahtera kehidupan ini.

"Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak MBOT atas pengantugerahan dan pengiktirafan kepada saya sebagai Teknologis Profesional." Katanya semasa berucap di Majlis Makan Malam MBOT, semalam.

Hadir sama, isteri beliau, Datin Seri Utama



IDRIS ketika berucap dalam majlis berkenaan.



AHMAD Zaidee menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut.



ANTARA barisan kenamaan yang hadir.



AHMAD Zaidee menyampaikan replika kad pengiktirafan Teknologis Profesional kepada Idris sambil disaksikan Fadiah dan Roslan.



IDRIS dan Fadiah bergambar bersama para kenamaan sebelum Majlis Makan Malam MBOT bermula.



19 Februari 2018 #album2
Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Parti Gerakan Rakyat Malaysia di Kompleks JAPERUN Bachang